

06/08/1998

Singapura - singa yang pura-pura?

Nik Yahya Ab Rahman

KIRA-KIRA dua bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, sama-sama merasmikan Laluan Kedua di Gelang Patah yang menghubungkan kedua-dua negara dalam suasana penuh mesra dan semangat setiakawan.

Kalau hendak dikira dari segi adat, belum pun kering pinggan mangkuk hidangan jamuan majlis berkenaan, negara jiran kita yang mempunyai rangkaian sejarah dan ikatan persaudaraan sejak zaman Sang Nila Utama lagi itu sudah mula merungkai dan meruntuhkan tembok keramat kedua-dua kerajaan yang pernah tidur sebantol.

Singapura sanggup mengungkit persefahaman bersama yang menempatkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar di selatan republik itu ke Woodlands di bahagian utara, tanpa rasa bersalah. Bagi mereka kononnya Malaysia melanggar adat dunia, selepas 33 tahun merdeka masih ada lagi bahagian negara mereka diduduki negara lain.

Maka kita tertanya-tanya - apakah Singapura itu jiran yang prihatin atau ia membawa makna 'singa yang berpura-pura'?

Kita yakin kepemimpinan negara itu dan media massa mereka bukan daripada golongan mereka yang buta sejarah. Biarpun kandungan mata pelajaran sejarah yang diajar baik di sekolah rendah atau menengah di negara itu bermula pada 1819, mereka sengaja melakukannya demi membutakan mata dan memekakkan telinga generasi mereka hari ini supaya melupai yang kedua-dua negara pernah bersatu hati sejak zaman Temasik lagi. Kalau ditanya pelajar mereka, mereka lebih mengetahui Sir Stamford Raffles dan Francis Light daripada Hang Tuah, Hang Li Po atau Tun Perak.

Sebenarnya, pulau yang ditemui Parameswara anak raja Palembang itu pernah diperintah Kerajaan Siam. Ia yang diwakili Temagi pernah mengadakan perdagangan tukar barang yang begitu erat dengan Kerajaan Melaka yang masyhur pada abad ke-15. Keakraban negara itu dengan Melaka dan Tanah Melayu umpama isi dengan kuku kerana kedua-duanya pernah melalui pelbagai pahit getir baik pada zaman Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Keadaan itu berterusan sehinggalah Singapura sanggup tersipu bersopan santun bersama-sama kita melaungkan 'merdeka' dengan gagah ketika menyambut kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Sayangnya, negara yang pernah dilanggar todak seperti yang tercatat dalam Sejarah Melayu itu sanggup bercerai kasih dan hanya panas dalam dakapan Malaysia kira-kira dua tahun (1963 hingga 1965). Sejak itulah, hubungan kedua-dua negara kerap retak - sekejap panas sekejap dingin. Umpama orang yang baru berpisah (bercerai) yang serba-serbi tidak kena dan perasaan cemburu sentiasa menebal di hati.

Kalaupun cemburu dan benci, janganlah rumah, jambatan kemanusiaan serta tugu diplomatik yang dibina hendak diruntuhkan dengan begitu mudah. Lupakan Singapura pada 27 Mei 1961, Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika berucap mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei bergabung membentuk kerajaan baru yang diberi nama Malaysia. Cadangan dibuat semata-mata kerana pengaruh komunis begitu menebal di Singapura ketika itu. Sekiranya Singapura jatuh ke tangan komunis ketika itu, belum tentu mereka boleh maju seperti sekarang.

Justeru, janganlah sengaja mencari pelbagai alasan untuk meretakan hubungan Kuala Lumpur dan Singapura kerana semata-mata iri hati terhadap kejayaan demi kejayaan yang ditempah Malaysia.

Kejayaan Malaysia tidak siapapun boleh menafikannya baik dalam bidang

politik, perindustrian, ekonomi, pendidikan, pentadbiran, keagamaan, sosial, kesukanan, pelancongan, telekomunikasi, pertanian, sains dan teknologi. Biarpun penyusunan ekonomi kita lebih teratur selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB), namun tempoh berkenaan banyak mencernakan pelbagai kejayaan kita pada hari ini.

Lebih membanggakan, apabila Dr Mahathir banyak mencatat kejayaan bertaraf dunia dan mendahului negara lain melalui pembangunan jambatan Pulau Pinang; industri automobil (Proton dan Perodua); pernah menjuarai Piala Thomas dalam acara badminton; pembinaan bangunan Dayabumi, Menara Kuala Lumpur (menara satelit tertinggi di dunia), bangunan Petronas (tertinggi di dunia), kewujudan Bandar Teknologi Maklumat Siberjaya dan Koridor Raya Multimedia (MSC), pembangunan bandar pentadbiran Putrajaya yang sistematik, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (terbesar dan terancang selepas Lapangan Terbang Chek Lap Kok di Hong Kong) dan Sukan Komanwel XVI - Kuala Lumpur 98 (sukan kedua terbesar di dunia), tentunya menimbulkan perasaan tidak senang negara jiran di selatan.

Kita ingin bertanya apakah dengan sikap yang diambil Singapura yang sengaja mencari isu untuk mendapat perhatian dunia itu akan berjaya menarik pelabur dan perdagangan dunia luar ke negara itu? Apakah dengan sikap celupar Menteri Kanan negara itu, Lee Kuan Yew akan menambat hati negara lain untuk berlabuh dan menjalankan perniagaan di pelabuhan mereka? Apakah mereka sudah lupa dengan Piagam Asean yang dipersetujui bersama pada 8 Ogos 1967 dan Deklarasi Kuala Lumpur 1971 dan sanggup mengorbankannya? Apakah Singapura lupa yang air yang mereka minum adalah dari Johor? Apakah mereka sanggup bercerai kasih dengan sanak-saudara mereka di Malaysia demi perasaan cemburu mereka? Apa untungnya Singapura kalau berbalah dengan Malaysia?

Sesungguhnya, sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, rakyat Malaysia sentiasa di belakang Dr Mahathir dalam apa jua keadaan sekalipun. Kita berbangga dengan keputusan yang dibuat Dr Mahathir pada 1 Ogos lalu yang tidak akan memindahkan Pusat KIK di Tanjung Pagar, Singapura yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu (KTM) di selatan Singapura ke Woodlands di bahagian utara republik itu.

Sebenarnya, api perbalahan sentiasa ditiup pemimpin republik itu termasuklah perebutan pulau Batu Putih di Laut China Selatan, isu tumpahan minyak di Selat Melaka, latihan penerbangan tentera udara Singapura di ruang angkasa Johor tanpa kebenaran, sekatan mengisi petrol di Johor Bahru, masalah pengeluaran wang simpanan pekerja Malaysia di republik itu (CPF) berbilion ringgit, dakwaan Lee Kuan Yew tahun lalu yang menyatakan negeri Johor sarang penyamun dan terbaru ialah ketidakprihatinan republik itu terhadap kempen melawat Singapura yang sengaja tidak memasukkan nama Malaysia sebagai destinasi pelancongan Asean dan banyak lagi (sekadar menyebut beberapa insiden terbaru).

Sesungguhnya, ramai bersetuju dengan apa yang diutarakan Ahmad Rejal Arbee dalam ruangan Isu (Berita Minggu, 2 Ogos 1998) yang menyatakan republik itu tidak mengamalkan budaya meritokrasi dan mereka masih dengan semangat `kiasu' yang jumud dan tidak pragmatik. Mungkin bagi mereka, Malaysia tidak boleh terkehadapan dalam apa jua bidang kerana Singapura lebih maju dan boleh dianggap sebagai sebutir mutiara yang sudah lama bersinar. Namun, mereka lupa yang Malaysia sedang mencipta nama di persada dunia kerana ketegasan dan kewibawaan kepemimpinan negara serta kita mempunyai pelbagai sumber (minyak petrol, tanah, modal, tenaga pekerja, kepakaran dan keamanan) sebagai perencah utama pembangunan.

(END)